

**Perlaksanaan dasar pelajaran:  
Semua pihak diseru kerjasama**

---

# **SETAHUN UNTUK MENYEMAK — MAHATHIR**

**M**ENTERI Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad hari ini berharap kerja penyemakan semula pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan, akan dapat

11 OKT 1974  
diseiapkan dalam masa setahun.

Bellau menyeru semua pihak yang cenderung mengenai pelajaran mengemukakan memorandum dan pandangan masing-masing kepada jawatankuasa kabinet pelaksanaan dasar sebelum

31 Januari tahun depan.

Dr. Mahathir sendiri ialah pengerusi jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa itu dibentuk dalam mesyuarat pertama kabinet Barisan Nasional, baru-baru ini.

Bercakap dalam satu sidang akhbar tengahari ini, bellau menekankan lagi bahawa bukan-

lah menjadi tugas jawatankuasa itu untuk menyemak dasar pelajaran kebangsaan itu "kerana ia telah diterima oleh rakyat."

Apa yang dititikberatkan dalam bidang tugas jawatankuasa ini ialah pelaksanaan dasar ia itu sama ada pelaksanaan dasar pelajaran telah mendapat matlamat-matlamat yang terkandung di dalam dasar tersebut.

"Atau sama ada pelaksanaan dasar itu telah menghasilkan te-

## KUALA LUMPUR 9 OKT.

naga rakyat negara dalam jangka pendek dan panjang atau ialah berjaya menandakan satu masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih," tambahnya.

Menurutnya, dalam mengkaji pelaksanaan dasar serta menentukan sama ada pelaksanaan itu berjaya atau tidak bagi mencapai tujuan asal, memang pasti jawatankuasa kabinet itu akan mengkaji masalah-masalah yang boleh menghalang tercapainya tujuan asal dasar itu.

## Cadangan

Sekiranya terdapat sebarang masalah, jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membuat cadangan-cadangan bagi membolehkan kerajaan mengatasi masalah-masalah agar tujuan dasar pelajaran kita tidak terjejas, kata beliau.

Dr. Mahathir memberitahu jawatankuasa ini akan mendapatkan pandangan-pandangan dari kementerian-kementerian kerajaan, dari pegawai-pegawai kerajaan, kesatuan-kesatuan guru, universiti-universiti, badan-badan lain dan masyarakat umum.

Kerajaan percaya bahawa berjayanya sesuatu dasar kerajaan bergantung atas penyertaan segenap lapisan masyarakat dan untuk melaksanakan dasar pelajaran penyertaan yang diperlukan harus datang bukan sahaja dari sektor kerajaan bahkan pihak-pihak yang berminat terhadap kemajuan pelajaran dan anak-anak mereka, tegasnya.

Dr. Mahathir menerangkan bahawa segala memorandum serta pandangan yang diterima akan digunakan sebagai panduan dalam tugas jawatankuasa itu mencari penyelesaian segala masalah yang timbul dan menjamin kelancaran sistem pelajaran.

Memorandum dan pandangan itu boleh dihantar kepada setiausaha jawatankuasa itu di bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Bagi tempoh empat bulan pertama, masanya ialah bagi menerima segala memorandum dan pandangan, enam bulan untuk pengkajian dan dua bulan untuk menulis laporan.

LIHAT MUKA 12  
(Buangan 4)

# J-kuasa penilai

## DARI MUKA 1

Sekurang-kurangnya empat jawatankuasa penilaian akan dibentuk bagi membantu tugas jawatankuasa itu — perpaduan negara, tenaga rakyat, profesional dan bukan profesional.

Tugas utama jawatankuasa kabinet itu ialah untuk mengkaji dalam konteks sistem pelajaran sekarang, sama ada tujuan dasar pelajaran tercapai dalam pelaksanaannya terutama dari segi menjamin bolehnya sistem itu melahirkan tenaga rakyat negara dalam jangka pendek dan panjang.

Jawatankuasa itu juga akan menentukan sama ada sistem itu telah berjaya menghasilkan masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih.

Menjawab satu pertanyaan, Menteri Pelajaran itu memberitahu sambutan dari orang ramai terhadap pembentukan jawatankuasa menteri-menteri pengkajian pelaksanaan dasar itu sangat menggalakkan dan ada juga teguran-teguran yang diterima.

Jawatankuasa yang terdiri dari menteri-menteri ini bukan bererti mereka semua pakar mengenai pelajaran tetapi dibentuk untuk memudahkan lagi kerja-kerja sebagai mana yang dikehendaki, katanya.

Menurut Dr. Mahathir, dengan memberi peluang kepada orang ramai membuat memorandum itu bererti kerajaan memberi satu kebebasan terbuka kepada rakyat mengemukakan pandangan masing-masing mengenai dasar pelajaran.

Beliau memberi jaminan bahawa semua pandangan dalam memorandum yang dikemukakan itu akan diberi perhatian oleh jawatankuasa ini.